EON BANK BHD

lwn.

GANDARAMA SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-252-01]
24 JANUARI 2006

PROSEDUR SIVIL: *Tindakan - Writ saman - Permohonan menarik balik tindakan dengan kebebasan memfail semula - Sama ada perkara budibicara mahkamah - Permohonan dibuat sebelum perbicaraan bermula - Sama ada tidak memprejudiskan defendan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 21 k. 3*

Plaintif telah memfail writ saman terhadap defendan-defendan menuntut pembayaran balik pinjaman berjumlah lebih kurang RM2.1 juta. Plaintif kemudian mendapati bahawa notis tuntutan yang dikeluarkan olehnya adalah cacat, dan berikutnya memohon untuk menarik balik keseluruhan tindakannya terhadap defendan-defendan dengan kebebasan untuk memfail semula di bawah A. 21 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Defendan-defendan tidak membantah permohonan menarik balik tindakan, tetapi membantah permohonan untuk kebebasan memfail semula tindakan. Menurut defendan-defendan, permohonan untuk kebebasan memfail semula tindakan, jika dibenarkan, memprejudiskan pembelaan mereka. Di hadapan yang arif hakim, persoalan yang berbangkit adalah sama ada mahkamah harus menggunakan budibicaranya secara yang berpihak kepada plaintif, sekaligus membenarkan permohonan mereka di sini.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Dalam kes ini, permohonan dibuat sebelum mahkamah mendengar tuntutan plaintif di atas merit. Jelasnya, plaintif telah mengambil tindakan untuk menarik balik writ saman terlebih awal walaupun terdapat lain-lain permohonan interlokutori untuk membatalkan writ saman yang masih belum didengar. Mahkamah boleh mengambilkira fakta ini apabila menimbang permohonan plaintif. (perenggan 4 & 5)

(2) Di atas keseluruhan kes ini, dan mengambilkira latar belakang dan fakta kes, serta prinsip undang-undang yang digariskan oleh undang-undang kes, adalah lebih wajar dan adil sekiranya plaintif dibenarkan untuk menarik balik tindakan ini terhadap defendan-defendan dengan

kebebasan untuk memfailkan semula. Mahkamah dengan itu membenarkan permohonan. Walaupun begitu plaintif hendaklah membayar kos kepada defendan-defendan. (perenggan 8)

[Perintah sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Affin Bank Bhd v. Joseph Thambirajah [2004] 6 CLJ 201 HC ***(dirujuk)***
Dairies lwn. Morlin [1913] 2 KB 479 ***(dirujuk)***
Dollah Hj Salleh v. Tuan Hj Muhiddin Hj Mohd Yassin & Anor [1989] 1 CLJ 198; [1989] 1 CLJ (Rep) 512 ***(dirujuk)***
Fox v. Star Newspaper Co [1898] 1 QB 636 ***(dirujuk)***
Land lwn. Land [1949] All ER 218 ***(dirujuk)***
Ng Hee Thoong lwn. Public Bank [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***
Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd [2000] 1 CLJ 503 CA ***(dirujuk)***
Majlis Peguam Malaysia & Ors lwn. Raja Segaran S Krishnan [2002] 3 CLJ 370 CA ***(dibezakan)***
Owens lwn. Minoprio [1942] 1 All ER 32 ***(dirujuk)***
Overseas Union Finance Ltd lwn. Lim Joo Chong [1971] 2 MLJ 124 ***(dirujuk)***
Pacific Bank Bhd lwn. Chan Peng Leong [1998] 2 CLJ 440 CA ***(diikuti)***
R Mc Donnell lwn. Tyrone 33 Digest 331 ***(dirujuk)***
Tan Eng Hoe lwn. Liang Hooi Kiang [1961] MLJ 119 ***(dirujuk)***
The Kronprinz [1887] 12 App Cas 256 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 21 r. 3

Bagi pihak plaintiff - Chong Kok Keun; T/n KW Chong & Partners
Bagi pihak defendan - Chee Weng Weng; T/n Chee Weng Weng & Co
Bagi pihak defendan keempat & kelima - Maureen Ong Swee Kin; T/n VL Decruz & Co

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

VT Singham H:

[1] Dalam kes ini, plaintif telah memfailkan satu writ saman bertarikh 20 Jun 2001 (Lampiran 1) terhadap kelima-lima defendan, iaitu terhadap defendan pertama sebagai peminjam/pengadai dan terhadap defendan kedua, ketiga, keempat dan kelima sebagai penggerenti untuk pembayaran wang sebanyak RM2,130,906.05 setakat 24 Disember 2002 yang merupakan baki amaun pinjaman dibawah akaun terma dan baki amaun di bawah kemudahan overderaf yang diberikan oleh plaintif kepada defendan pertama termasuk faedah terakru ke atasnya dengan faedah seterusnya.

[2] Melalui pernyataan pembelaan bertarikh 1 Februari 2002 (Lampiran 6), defendan pertama di antara pembelaan lain telah memplid bahawa permintaan atau notis tuntutan yang dikeluarkan oleh plaintif adalah salah di segi undang-undang dan tidak mempunyai kesan undang-undang sama sekali. Oleh itu, defendan pertama memohon tuntutan plaintif dibatalkan dengan kos.

[3] Seterusnya, defendan kedua dan ketiga juga melalui pembelaan mereka bertarikh 1 Februari 2002 (Lampiran 7) di antara pembelaan lain mencabar tuntutan plaintif dan menyatakantidak berasas dan memohon tuntutan plaintif ditolak dengan kos. Defendan keempat dan kelima juga melalui pembelaan bertarikh 30 Januari 2002 (Lampiran 5) di antara pembelaan lain mencabar tuntutan plaintif dan memohon tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

[4] Walau bagaimanapun, plaintif telah melalui saman dalam kamar bertarikh 18 September 2003 (Lampiran 34) pohon suatu perintah bahawa:

(a) Plaintif dibenarkan menarik balik keseluruhan tuntutan ini terhadap defendan-defendan dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula di bawah A. 21 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

(b) Kos permohonan ini ditanggung oleh plaintif.

(c) Relief selanjutnya dan/atau relief selainnya yang dianggap sesuai dan adil oleh mahkamah yang mulia ini.

[5] Saman dalam kamar tersebut disokong oleh afidavit yang diikrar pada 17 September 2003 (Lampiran 35) oleh peguam bagi plaintif. Di antara alasan-alasan lain yang disebut di afidavit tersebut untuk menarik balik keseluruhan tindakan ini terhadap defendan-defendan dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula adalah seperti berikut:

> Setelah pemeriksaan dokumen-dokumen relevant untuk menyokong tindakan ini saya mendapati bahawa ada satu perselisihan dalam notis tindakan bertarikh 23 November 2001 terhadap defendan-defendan dan oleh sebab itu guaman ini tidak boleh diteruskan lagi.

[6] Sebaliknya defendan pertama, kedua dan ketiga melalui afidavit jawapan untuk membantah permohonan plaintif untuk menarik balik writ saman dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula di atas alasan khususnya, ianya ia akan memprejudiskan defendan pertama, kedua dan ketiga dan defendan pertama, kedua dan ketiga akan dinafikan pembelaan mereka terhadap notis tuntutan tersebut dimana telah dicabar

dan didapati tidak sah seperti diakui oleh peguam bagi plaintif. Manakala defendan keempat dan kelima tidak ada bantahan atas permohonan plaintif melainkan plaintif dikehendaki membayar kos kepada mereka.

[7] Aturan 21 k. 3 kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berkata:

> 3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah 2, sesuatu pihak tidak boleh memberhentikan tindakan (sama ada dimulakan melalui writ atau selainnya) atau tuntutan balas, atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat olehnya dalam tindakan atau tuntutan balas itu, tanpa kebenaran mahkamah, dan mahkamah yang mendengar permohonan minta diberikan kebenaran itu boleh memerintahkan supaya tindakan atau tuntutan balas itu diberhentikan, atau mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat di dalamnya itu dibatalkan, sebagai tindakan terhadap mana-mana atau kesemua pihak yang terhadapnya tindakan itu dibawa atau dibuat atas apa-apa terma tentang kos, pembawaan suatu tindakan kemudiannya atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil.
>
> (2) Sesuatu permohonan minta diberikan kebenaran di bawah kaedah ini bolehlah dibuat melalui saman.

[8] Setelah meneliti dan membaca saman dalam kamar (Lampiran 34) dimana ia disokong oleh afidavit (Lampiran 35) dan afidavit bagi defendan pertama (Lampiran 36), afidavit bagi defendan kedua dan ketiga (Lampiran 37), hujah-hujah bertulis dan setelah mendengar hujah-hujah lisan oleh kedua-dua pihak bersama autoriti-autoriti, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

1. Mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya plaintif tidak dibenarkan untuk memfailkan tindakan semula selepas dibenarkan untuk menarik balik writ saman, ia akan lebih prejudis terhadap plaintif apabila dibandingkan dengan defendan pertama, kedua dan ketiga dan defendan-defendan lain yang boleh dipampas dengan kos.

2. Mahkamah ini mendapati bahawa apa yang dibantah oleh defendan pertama, kedua dan ketiga melalui hujah-hujah adalah plaintif tidak dibenarkan untuk memfailkan tindakan semula tetapi peguam bagi defendan pertama, kedua dan ketiga dengan jujur berhujah bahawa defendan pertama, kedua dan ketiga tidak ada bantahan untuk plaintif menarik balik writ saman, tetapi plaintif tidak dibenarkan untuk memfailkan tindakan semula kerana ia akan memprejudiskan defendan pertama, kedua dan ketiga khususnya defendan pertama, kedua dan ketiga akan dinafikan pembelaan mereka terhadap notis tuntutan (notice of demand) yang telah dicabar dan didapati tidak sah atau kecacatan (defective) seperti disedari dan diakui oleh peguam bagi plaintif dan oleh sebab itu guaman ini tidak boleh diteruskan

lagi. Di sini adalah penting untuk menyatakan sekali lagi bahawa defendan keempat dan kelima tidak ada bantahan atas permohonan plaintif (Lampiran 34) untuk menarik balik writ saman dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula melainkan plaintif dikehendaki membayar kos kepada mereka. Walau bagaimanapun, setiap kes adalah berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes dan budi bicara yang digunakan oleh mahkamah.

3. Kes *Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd* [2000] 1 CLJ 503 CA yang diharap oleh peguam bagi defendan pertama, kedua dan ketiga boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan kedudukan kes di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd.,* arahan Mahkamah Rayuan dalam kes *Ng Hee Thong lwn. Public Bank* [1995] 1 CLJ 609 CA adalah kes dihantar balik ke Mahkamah Tinggi dan ditetapkan untuk bicara dalam 30 hari tetapi plaintif tidak mengikut arahan Mahkamah Rayuan dan sebaliknya memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk menarik balik tindakan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dan ini adalah bertentangan dengan arahan Mahkamah Rayuan. Dalam kes itu, plaintif telah memperolehi penghakiman terus terhadap defendan walaupun penyerahan notice of demand telah dicabar oleh defendan. Defendan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dimana penghakiman terus telah diberi terhadap defendan. Rayuan defendan telah dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan dengan arahan supaya kes dihantar balik ke Mahkamah Tinggi dan ditetapkan untuk perbicaraan dalam 30 hari. Malangnya, plaintif tidak mengikut arahan Mahkamah Rayuan dan memohon untuk menarik balik tuntutan dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula dimana adalah bertentangan dengan arahan Mahkamah Rayuan. Oleh itu, Mahkamah Rayuan membenarkan plaintif untuk menarik balik tindakan terhadap defendan dengan syarat plaintif tidak boleh membawa tindakan baru terhadap defendan di atas kausa tindakan yang sama atau di atas fakta yang sama.

4. Manakala, dalam kes di hadapan mahkamah ini, perbicaraan belum diteruskan, plaintif telah memfailkan permohonan yang awal melalui saman dalam kamar (Lampiran 34) pada 18 September 2003 untuk menarik balik tindakan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dan mahkamah ini belum lagi mendengar tuntutan plaintif di atas merit. Mahkamah ini boleh mengambil kira fakta ini apabila menimbang pemohonan plaintif (Lampiran 34). Rujuk kes *Majlis Peguam Malaysia & Ors lwn Raja Segaran S. Krishnan* [2002] 3 CLJ 370 CA dimana fakta dan latar belakang kes itu boleh dan seharusnya dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Majlis Peguam Malaysia & Ors*

lwn. Raja Segaran a/l S. Krishnan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan kes untuk keputusan bagi tindakan plaintif selepas mendengar hujahan lisan dimana pada masa itu plaintif memohon untuk menarik balik tindakan pada masa saat-saat yang terakhir manakala dalam kes di hadapan mahkamah ini, kes perbicaraan bagi writ saman belum dimulakan dan permohonan (Lampiran 34) telah difailkan lebih awal oleh plaintif tersebut.

5. Mahkamah ini berpendapat bahawa apa yang penting dan harus diambil kira ialah perbicaraan writ saman (Lampiran 1) belum dimulakan dan seperti yang dikatakan lebih awal, plaintif telah mengambil tindakan untuk menarik balik writ saman terhadap defendan-defendan terlebih awal walaupun terdapat lain-lain permohonan Interlokutori untuk membatalkan writ saman yang masih belum didengar. Mahkamah ini juga telah mengambil kira kes *Fox. v. Star Newspaper Co.* [1898] 1 QB 636 at p. 639 yang dirujuk dalam kes *Majlis Peguam Malaysia & Ors Iwn. Raja Segaran SKrishnan* dimana Chitty LJ berkata:

> The principle of the rule is plain. It is that after the proceedings have reached a certain stage the plaintiff, who has brought his adversary into court, shall not be able to escape by a side door and avoid the contest. He is then to be no longer *dominis litis*, and it is for the judge to say whether the action shall be discontinued or not and upon what terms. I think it would be a great error to construe the rule by reference to the old meaning of the term "discontinuance" or any mere technical sense of words. The substance of the provision is that, after a stage of the action has been reached at which the adversaries are meeting face to face, it shall only be in the discretion of the judge whether the plaintiff shall be allowed to withdraw from the action so as to retain the right of bringing another action for the same subject-matter.

6. Dalam kes *Land lwn. Land* [1949] All ER 218, seorang isteri telah memfailkan satu saman untuk nafkah di atas alasan suaminya telah tinggal terus (deserted) beliau, dan selepas isteri memberi keterangan, beliau telah menarik balik saman tersebut dan memfailkan semula. Suami membantah saman kedua atas alasan bahawa isterinya telah menarik balik saman selepas memberi keterangan dan dihalang untuk memfailkan saman kedua. Mahkamah Divisional yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa mahkamah boleh mendengar saman kedua kerana saman pertama belum diputuskan di atas merits. Lord Merriman P berkata:

> In this present case, there was no withdrawal of the summons upon the merits. There was a withdrawal, with the consent of the magistrates, in consequence of an informality in the proceedings.

7. Dalam kes *Owens lwn. Minoprio* [1942] 1 All ER 32 *Viscount Caldecote C.J.* selepas merujuk kes *R. Mc Donnell lwn. Tyrone 33 Digest 331* dan *Davies lwn. Morlin* [1913] 2 KB 479 berkata:

> Those two cases are actually decisions to the effect that, when a withdrawal of a summons is permitted by magistrates, not on the merits of the case, but on a preliminary point, the withdrawal is not equivalent to a dismissal ...

8. Di atas keseluruhan kes ini, latar belakang, dan fakta kes dan prinsip undang-undang yang didapati daripada kes-kes yang dirujuk, mahkamah ini berpendapat adalah lebih wajar dan adil sekiranya plaintif dibenarkan untuk menarik balik tindakan ini terhadap defendan-defendan dengan kebebasan untuk memfailkan tindakan semula dan mahkamah menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan (Lampiran 34). Rujuk kes (i) *Tan Eng Hoe lwn. Liang Hooi Kiang* [1961] MLJ 119, (ii) Dollah *bin Haji Salleh v. Tuan Hj Muhiddin Hj Mohd Yassin & Anor* [1989] 1 CLJ 198; [1989] 1 CLJ (Rep) 512 dan (iii) *Overseas Union Finance Ltd. lwn. Lim Joo Chong* [1971] 2 MLJ 124 di m/s 126.

9. Di atas kedudukan kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa keadilan memerlukan permohonan plaintif dibenarkan dengan kebebasan untuk memfailkan semula tetapi plaintif diperintahkan untuk membayar kos kepada defendan-defendan. mahkamah ini juga mengikut keputusan majoriti dalam kes *Pacific Bank Bhd lwn. Chan Peng Leong* [1998] 2 CLJ 440 CA di ms 448.

   Rujuk kes (i) *Affin Bank Berhad v. Joseph Thambirajah* [2004] 6 CLJ 201 HC (ii) *The Kronprinz* [1887] 12 App. Cas 256. Oleh itu, mahkamah ini menggunakan budi bicara untuk membenarkan prayer (a) di saman dalam kamar (Lampiran 34). Walau bagaimanapun, plaintif dikehendaki untuk membayar kos permohonan ini kepada defendan pertama, kedua dan ketiga dan juga kepada defendan keempat dan kelima seperti dalam prayer (b) sama ada dipersetujui, atau ditaksirkan. Writ saman plaintif dibatalkan dengan perintah kebebasan untuk memfailkan tindakan semula.